

13 JUN 2003

PELANCARAN "A LEGEND FOREVER" DITUNDA KE OGOS

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Pelancaran "A Legend Forever" (ALF), projek untuk menonjolkan kepada umum kehidupan, pengalaman, pencapaian dan sumbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ditunda daripada 17 Jun kepada awal Ogos tahun ini.

Pengarah Acara ALF, Rashid Mansur berkata keputusan itu diambil kerana Hotel Sunway Lagoon Resort yang dipilih menjadi tempat berlangsungnya acara itu akan digunakan sebagai venue rasmi Persidangan Sejagat Mengenai Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) dari 16 hingga 19 Jun.

Persidangan yang diilhamkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) itu dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan.

Rashid berkata beliau telah dimaklumkan tentang perkara itu oleh pihak pengurusan hotel berkenaan baru-baru ini.

Tarikh baru bagi pelancaran ALF dan buku biografi Dr Mahathir karya Yang Dipertua Dewan Rakyat Tun Dr Mohamed Zahir Ismail akan diumumkan melalui media tidak lama lagi, katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Bagaimanapun, kata beliau, menurut perancangan, biografi edisi internet dan laman web Perdana Menteri yang sedang diusahakan di bawah pengawasan Penyelidik dan Penulis Utama ALF, Profesor Emeritus Datuk Dr Khoo Kay Kim, akan dilancarkan pada Oktober atau November tahun ini.

-- BERNAMA

SOP KHY SP RON